

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)22**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH  
YB. LIM GUAN ENG**

22. Sila nyatakan jumlah perniagaan yang terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerja ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Penuh yang dilaksanakan sejak pandemik COVID-19 bermula bulan Mac pada tahun lepas.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, sebanyak 4,554 perniagaan terpaksa berhenti operasi sejak pandemik COVID-19 bermula Mac 2020 sehingga 12 November 2021. Manakala jumlah kes kehilangan pekerja tempatan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Penuh yang dilaksanakan adalah seramai 13,009 orang.

Bagi Negeri Pulau Pinang, maklumat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menunjukkan bahawa sebanyak 434 lesen

perniagaan ditamatkan manakala bagi bagi kawasan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sebanyak 81 lesen perniagaan telah dibatalkan atas alasan perniagaan tidak dijalankan.

Selain daripada ini, mengikut Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang (JTKPP), jumlah kilang (sektor pembuatan) yang telah menamatkan operasi di Pulau Pinang bagi tahun 2020 dan 2021 (sehingga Oktober 2021) adalah seperti perincian:

| <b>Tahun</b>  | <b>Bilangan Kilang Yang Tamatkan Operasi</b> | <b>Bilangan Pekerja Yang Terlibat</b> |
|---------------|--|---------------------------------------|
| 2020          | 123  | 3,128                                 |
| 2021          | 36   | 234                                   |
| <b>Jumlah</b> | <b>159</b>                                   | <b>3,362</b>                          |

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang (berdasarkan penghantaran borang PK/98 yang telah dikemukakan oleh majikan kepada JTKPP setakat Oktober 2021)